

**UCAPAN YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN**

**LAWATAN KERJA PROJEK SIAP OLEH YB MENTERI
PENGANGKUTAN MALAYSIA
BAGI PROJEK *REHABILITATION, UPGRADING OF TRACK
AND ASSOCIATED WORKS BETWEEN GEMAS, NEGERI
SEMBILAN TO MENTAKAB RAILWAY STATION, PAHANG*
- *PACKAGE A (TENDER SEMULA)***

Tarikh : 24 Julai 2026 (Jumaat)

Tempat: Stesen Keretapi Bahau, Negeri Sembilan

SALUTASI

Yang Berusaha Dr Mohammad Zaini bin Mohamud

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Ir. Wan Hasnan bin Wan Musa

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan

Yang Berbahagia Dato' Azhar Ahmad

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Aset Keretapi

Yang Berbahagia Datuk Azlan Al Bakri

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Keretapi Tanah Melayu

Ketua-ketua Jabatan, Agensi dan Persekutuan Negeri serta rakan-rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini bagi bersama-sama meraikan Penyiapan Baki Kerja bagi Projek *Rehabilitation, Upgrading of Track and Associated Works Between Gemas, Negeri Sembilan to Mentakab Railway Station, Pahang – Package A*.
2. Seperti yang kita sedia maklum, Projek ini, yang lebih dikenali sebagai Projek Pakej A, pada asalnya telah

dimulakan sejak Februari 2016 dengan tarikh asal penyiapan pada 20 Februari 2019. Walau bagaimanapun, kontraktor asal projek tidak berjaya menyiapkan projek tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dan telah ditamatkan.

3. Menyedari kepentingan projek ini kepada pembangunan infrastruktur rel negara dan kesinambungan laluan kereta api pantai timur, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk meneruskan pelaksanaan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi memastikan baki kerja yang masih belum disiapkan dapat diselesaikan. Sehubungan itu, JKR Negeri Sembilan selaku Agensi Pelaksana projek ini telah melaksanakan proses tender semula secara terbuka dengan tarikh milik tapak pada 8 November 2023.
4. Hasil daripada perancangan yang teliti, komitmen yang tinggi serta kerjasama erat daripada semua pihak yang terlibat, projek ini akhirnya berjaya disiapkan pada 19 Jun 2026, dengan nilai keseluruhan semasa projek sebanyak RM41.7 juta.

5. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada JKR Negeri Sembilan serta pihak kontraktor, Asia Communication & Electronic Sdn. Bhd. (Asiakom), atas kejayaan menyiapkan projek ini. Kejayaan ini amat bermakna memandangkan pelaksanaan projek telah berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan fizikal di tapak, termasuk isu pencerobohan serta keperluan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penambahbaikan terhadap lintasan tidak sah atau *illegal crossing*, termasuk *cow crossing*.
6. Kejayaan menyiapkan projek ini membuktikan bahawa melalui perancangan yang rapi, komitmen yang tinggi serta kerjasama erat antara Kerajaan, agensi pelaksana, kontraktor dan semua pihak berkepentingan, cabaran yang dihadapi dapat diatasi dengan berkesan. Lebih penting lagi, kejayaan ini mencerminkan kesungguhan semua pihak dalam memastikan projek infrastruktur rel yang penting kepada rakyat dapat disiapkan dengan baik dan memberikan manfaat yang berterusan kepada negara.
7. Untuk makluman semua, projek ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menaik taraf jajaran kereta

api Pantai Timur yang menghubungkan Gemas, Negeri Sembilan hingga ke Tumpat, Kelantan. Jajaran ini telah dibahagikan kepada tiga pakej utama, iaitu:

- (i) Pakej A, melibatkan jajaran dari Gemas ke Mentakab;
- (ii) Pakej B, melibatkan jajaran dari Mentakab ke Gua Musang; dan
- (iii) Pakej C, melibatkan jajaran dari Gua Musang ke Tumpat.

Sehingga kini, Projek Pakej A dan Pakej B telah berjaya disiapkan sepenuhnya, manakala Projek Pakej C masih dalam peringkat pelaksanaan.

8. Dengan siapnya Projek Pakej A ini, ia bukan sahaja melengkapkan satu lagi komponen penting dalam usaha menaik taraf infrastruktur rel di laluan Pantai Timur, malah turut memperkukuh kesinambungan jaringan kereta api antara Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Sektor pengangkutan rel merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan sistem pengangkutan awam yang cekap, selamat dan mampan. Justeru, penyiapan dan penyerahan projek ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna dalam usaha Kerajaan untuk memperkukuh serta meningkatkan kualiti infrastruktur rel negara.
10. Di samping itu, peningkatan kualiti infrastruktur landasan ini dapat menyokong kebolehpercayaan perkhidmatan rel serta mengurangkan risiko gangguan operasi yang berpunca daripada keadaan infrastruktur yang kurang memuaskan. Penambahbaikan ini juga akan membantu memastikan operasi perkhidmatan kereta api dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan efisien.
11. Dari perspektif pembangunan wilayah, projek ini turut berpotensi meningkatkan keterhubungan antara Gemas, Negeri Sembilan dan Mentakab, Pahang serta kawasan-kawasan di sekitarnya. Ketersambungan rel yang lebih baik dapat menyokong pergerakan rakyat dan barangan, merangsang aktiviti ekonomi setempat serta menyumbang

kepada pembangunan sektor perdagangan, pelancongan dan industri di sepanjang koridor berkenaan.

12. Lebih penting lagi, pembangunan infrastruktur rel yang berkualiti merupakan satu pelaburan jangka panjang Kerajaan dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang lebih berdaya tahan dan mampan. Usaha ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian serta menyokong usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pelepasan karbon.
13. Selain itu, projek ini turut mendukung aspirasi Kerajaan di bawah Dasar Pengangkutan Negara dan Dasar Rel Negara yang memberi penekanan kepada pembangunan sistem rel yang moden, bersepadu, selamat, mampan dan berdaya saing. Melalui penambahbaikan infrastruktur seperti ini, Kerajaan komited untuk memperkukuh jaringan rel sebagai tulang belakang sistem pengangkutan negara, sekali gus meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, memperkukuh hubungan antara wilayah serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif dan lestari.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menzahirkan penghargaan yang setinggi kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya, khususnya JKR Negeri Sembilan, atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya.
15. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) serta semua pihak yang telah menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung kepada kejayaan pelaksanaan projek ini. Penghargaan juga kepada pihak kontraktor, Asia Communication & Electronic Sdn. Bhd. (Asiakom) atas hasil usaha dan komitmen dalam menyiapkan projek ini yang wajar dihargai.
16. Akhir kata, saya berharap agar penyiapan projek ini akan memberikan manfaat yang berterusan kepada rakyat, meningkatkan tahap keselamatan dan kecekapan perkhidmatan rel serta menyumbang kepada pembangunan

ekonomi dan sosial di sepanjang jajaran Gemas hingga Mentakab.

17. Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Sekian, terima kasih.